



20 January 2012
20 January 2012
P.U. (A) 24

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA LEBUH RAYA
MALAYSIA (JARAK UNDUR LEBUH RAYA) (PINDAAN)
2012

*HIGHWAY AUTHORITY MALAYSIA
(SET BACKS OF HIGHWAY)(AMENDMENT) REGULATIONS
2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (PERBADANAN) 1980

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA LEBUH RAYA MALAYSIA (JARAK UNDUR LEBUH RAYA) (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 [*Akta 231*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Lebuhraya Malaysia (Jarak Undur Lebuhraya) (Pindaan) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 26 Januari 2012.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Lembaga Lebuhraya Malaysia (Jarak Undur Lebuhraya) 2007 [*P.U.(A) 339/2007*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Walau apa pun subperaturan (1), jika terdapat suatu tiang struktur kerangka portal, suatu jarak selebar 10 meter dari tepi bahagian terluar struktur itu ke tepi rezab bagi lebuhraya di kedua-dua belah bahagian tepi laluan utama lebuhraya itu hendaklah diadakan sebagai jarak undur lebuhraya bagi bahagian lebuhraya yang terlibat.”;

(b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “subperaturan (1)” dengan perkataan “subperaturan (1) dan (1A)”; dan

(c) dalam subperaturan (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Walau apa pun subperaturan (1)” dengan perkataan “Walau apa pun subperaturan (1) dan (1A)”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “dalam subperaturan (1)” dengan perkataan “dalam subperaturan (1) dan (1A)”.

Dibuat 9 Januari 2012

[KKR.PUU.110-1/1/2]ld.3;PN(PU2)368/VII]

DATUK SERI SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
Menteri Kerja Raya

HIGHWAY AUTHORITY MALAYSIA (INCORPORATION) ACT 1980

HIGHWAY AUTHORITY MALAYSIA (SET BACKS OF HIGHWAY) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Highway Authority Malaysia (Incorporation) Act 1980 [*Act 231*], the Authority, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Highway Authority Malaysia (Set Backs of Highway) (Amendment) Regulations 2012**.

(2) These Regulations come into operation on 26 January 2012.

Amendment of regulation 2

2. The Highway Authority Malaysia (Set Backs of Highway) Regulations 2007 [*P.U. (A) 339/2007*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

(a) by inserting after subregulation (1) the following subregulation:

“(1A) Notwithstanding subregulation (1), where a portal frame column structure exists, a distance of 10 metres from the edge of the outer structure section to the edge of the highway reserve on both sides of the highway mainline shall be provided as set back of the highways for the highway portion involved.”

(b) in subregulation (2), by substituting for the words “subregulation (1)” the words “subregulations (1) and (1A)”; and

(c) in subregulation (3)—

- (i) by substituting for the words “Notwithstanding subregulation (1)” the words “Notwithstanding subregulations (1) and (1A)”; and
- (ii) by substituting for the words “in subregulation (1)” the words “in subregulations (1) and (1A)”.

Made 9 January 2012
[KKR/PUU.110-1/1/2 Jld.3; PN(PU2)368/VII]

DATUK SERI SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
Minister of Works